

TARIKH	KHAMIS, 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	BIOGEL INOVASI MESRA ALAM HALAU NYAMUK AEDES
M/S	32
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	

# BioGel inovasi mesra alam halau nyamuk Aedes

**GEORGE TOWN:** Kejayaan seorang saintis Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Nur Faeza Abu Kassim memperkenalkan inovasi baharu yang mesra alam sekitar untuk mencegah nyamuk Aedes memberi khabar gembira kepada sektor kesihatan.

Nur Faeza yang merupakan pemsyarah dan penyelidik kawalan vektor serta penyakit bawaan nyamuk terutamanya Aedes dan culex di Pusat Pengajian Sains Kajihayat USM berkata, inovasi tersebut dikenali sebagai BioGel iaitu manik hidrogel yang mampu menarik dan membunuh nyamuk serta penggunaan tumbuhan tempatan untuk menghalau nyamuk Aedes.

"BioGel Bait menggunakan *sugar bait technology* iaitu memanipulasikan cara pemakanan vektor bertindak dengan kaedah serang dan bunuh.

"Ia bertujuan memusnahkan nyamuk Aedes iaitu vektor demam denggi dalam semua peringkat kitar hidup termasuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program COMBI Lawan Denggi 2023 dan Pertandingan Kutip Sampah berpasukan di pekarangan Flat Hamna, Sungai Dua, di sini baru-baru ini.

Menurut Nur Faeza, Biogel



**NUR FAEZA** Abu Kassim (tengah) memperkenalkan inovasi baharu yang mesra alam sekitar untuk mencegah nyamuk Aedes menerusi Program COMBI Lawan Denggi 2023 dan Pertandingan Kutip Sampah berpasukan di pekarangan Flat Hamna, Sungai Dua, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Bait berasaskan campuran ekstrak tumbuh-tumbuhan tempatan ialah salah satu kaedah kawalan biologi yang bersifat mesra alam sekitar dan selamat kepada manusia serta haiwan.

Jelasnya, Biogel Bait itu juga mudah digunakan, mesra penggunaan malah rendah kos pembuatan.

"Ia sesuai digunakan di dalam dan di luar kawasan rumah, malah boleh diperoleh

dengan harga RM10 untuk sebulan penggunaannya," katanya.

Dalam pada itu, Nur Faeza berkata, pihaknya turut memperkenalkan penggunaan pokok herba anti-Aedes iaitu limau kasturi, pokok basil dan pokok pudina melalui kerjasama dengan Jabatan Pertanian.

"Pokok yang paling berkesan dan mudah setakat ini ialah pokok basil yang selalunya dijadikan ulam manakala limau

kasturi dan pudina memerlukan tempoh tertentu untuk berpaya menghalau nyamuk Aedes," katanya.

"Untuk mencegah nyamuk Aedes, kaedah pengurusan kawalan vektor bersepadu penting dan orang ramai perlu menyokong usaha ini dengan sentiasa menjaga kebersihan serta tidak membiarkan air bertakung yang membolehkan nyamuk Aedes membiak," katanya.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM